

KE ARAH MEMPERKASAKAN PENDIDIKAN KERJA SOSIAL DI MALAYSIA: SATU PENELITIAN KONTEMPORARI

EMPOWERING SOCIAL WORK EDUCATION IN MALAYSIA: A CONTEMPORARY ANALYSIS

Samir Muhazzab Amin¹

Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia,
43400 Serdang, Selangor, Malaysia.
(Email: samir_upm@yahoo.com)

Muhd. Dhamir Audi b. Azizul²

Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia,
43400 Serdang, Selangor, Malaysia.
(Email: amir_audi91@yahoo.com)

Received date: 16-07-2019

Revised date: 06-08-2019

Accepted date: 17-08-2019

Published date: 11-09-2019

To cite this document: Amin, S. M., & Azizul, M. D. A. (2019). Ke arah Memperkasakan Pendidikan Kerja Sosial di Malaysia: Satu Penelitian Kontemporari. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(9), 39-55.

DOI: 10.35631/IJMTSS.29005

Abstrak: Isu kontemporari dalam bidang kerja sosial wajar diberikan tumpuan sebagai langkah check and balance kesan daripada penawaran program pendidikan kerja sosial di Malaysia. Oleh itu, artikel ini membincangkan rangkaian isu kontemporari dalam pendidikan kerja sosial serta cadangan dalam memperkasakan pendidikan bidang kerja sosial di Malaysia. 5 orang informan kajian dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 - 48) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Institut Sosial Malaysia telah terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif melalui pendekatan fenomenologi. Antara isu utama yang telah disentuh adalah isu piawaian pendidikan kerja sosial, isu akta kerja sosial, ketiadaan jawatan sebagai pekerja sosial, dan isu pendidikan kerja sosial di universiti awam. Manakala rangkaian alternatif daripada informan kajian turut dicadangkan untuk menyelesaikan isu kontemporari tersebut. Antara alternatif tersebut adalah penguatkuasaan piawaian pendidikan kerja sosial di Malaysia, mengatasi konflik peranan sebagai usaha penguatkuasaan akta kerja sosial, penetapan kriteria yang lebih jelas kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, penyelarasan kurikulum pendidikan kerja sosial yang seragam, dan pentadbiran yang responsif pada peringkat universiti dan kementerian. Pelbagai pihak seperti pendidik, pentadbir, penggubal polisi, dan pengamal kerja sosial perlu mencipta kolaborasi yang erat dalam memperkasakan bidang kerja sosial di Malaysia.

Kata Kunci: Kerja Sosial, Piawaian Kerja Sosial, Pendidikan Kerja Sosial, Akta Kerja Sosial

Abstract: Contemporary issues in social work should be concentrating as a check and balance process from the establishment of social work education programs in Malaysia. Therefore, this article discussing several contemporary issues in social work education as well as suggestions on empowering social work education in Malaysia. A total of 5 informants from the Management and Professional Group (Grades 41 - 48) from Jabatan Kebajikan Masyarakat and Institut Sosial Malaysia were involved in this study. This study used a qualitative approach through phenomenological approach. Among the major issues that the author has touched upon are the issues of social work education standards, the issue of social works act, issue in social work job position, and the issue of social work education in public universities. Hence, some resolutions were added by the informant to overcome the contemporary issues such as the enforcement of social work education standards, overcoming the conflict of power as an enforcement of social work laws, setting clearer criteria for Civil Service Commission, re-organize social work education curriculum, and responsive administration at university and ministry levels. Various parties such as educators, administrators, policy makers, and social workers need to create strong collaborations and play an essential role in empowering social work education in Malaysia.

Keywords: Social Work, Social Work Standards, Social Work Education, Social Work Act

Pengenalan

Kerja sosial mempunyai pelbagai definisi ilmiah daripada individu yang terdiri daripada pengamal, penggubal polisi, kakitangan akademik, dan pentadbir kerja sosial. Secara umumnya kerja sosial merupakan bidang profesion yang menumpukan kepada perkhidmatan manusia dalam mempertingkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup (Saparin, 2014). Aspek kesejahteraan sosial di sini merujuk kepada dasar-dasar yang berkaitan dengan kesihatan, pendidikan, perumahan, dan pembangunan komuniti, atau lebih spesifik lagi sebagai perkhidmatan sosial (Syamsuddin & Azman, 2012). Daripada dua definisi tersebut, dapat disimpulkan bahawa kerja sosial adalah sebuah perkhidmatan yang membolehkan setiap individu berfungsi dengan baik di dalam masyarakat, pekerjaan, pergaulan, dan membantu serta melindungi masyarakat mengatasi segala permasalahan kesan daripada interaksi sosial yang kompleks. Oleh itu, sebagai seorang pekerja sosial yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan perkhidmatan di atas, mereka wajar mempunyai pengetahuan berkenaan nilai, kemahiran, latihan, dan teknik tertentu bagi melindungi individu, keluarga, dan komuniti.

Secara umumnya di negara Barat, pendidikan kerja sosial telah mula bertapak semasa awal abad ke-20 seperti di Amerika Syarikat, England dan Kanada, serta telah berkembang menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan tinggi di seluruh dunia. Di penghujung abad ke-21 tumpuan kepada aspek globalisasi dan pengantarabangsaan menyebabkan munculnya kesedaran tentang kepentingan pendidikan kerja sosial dan turut diakui sebagai cabaran kepada pendidikan kerja sosial itu sendiri. Pembangunan pendidikan kerja sosial bukan lagi setakat melihat kuantiti program yang ditawarkan, tetapi lebih kepada kemampuannya untuk membangun program berdasarkan piawaian kebangsaan ataupun global yang responsif kepada perubahan-perubahan yang berlaku dan dalam masa yang sama sensitif kepada konteks budaya masyarakat (Nikku 2010; Payne dan Askeland 2008; Gray dan Coates 2010). Di Malaysia, pendidikan kerja sosial di institusi pengajian tinggi secara formalnya bermula pada tahun 1975 apabila Universiti Sains Malaysia (USM) menubuhkan program kerja sosial untuk memastikan bahawa pegawai kebajikan menerima latihan profesional. Sehingga hari ini

Malaysia telah mempunyai enam buah universiti yang menawarkan program kerja sosial pada peringkat ijazah sarjana muda dan juga pasca ijazah dan sebuah universiti menawarkan program minor kerja sosial pada peringkat ijazah sarjana mudanya. Pertambahan bilangan program yang ditawarkan ini menunjukkan wujudnya permintaan yang tinggi oleh sektor pekerjaan yang perlu dipenuhi. Pertambahan bilangan pekerjaan dalam bidang kerja sosial adalah disebabkan oleh perubahan-perubahan yang berlaku di dalam persekitaran kehidupan masyarakat Malaysia yang menyebabkan wujudnya pelbagai pemasalahan sosial seterusnya memerlukan perkhidmatan bantuan yang lebih profesional. Walau bagaimanapun, kesesatan penawaran program pendidikan kerja sosial khususnya di peringkat ijazah sarjana muda telah menimbulkan beberapa isu atau permasalahan semasa sekaligus menjadi cabaran kepada keberkesanan pendidikan program kerja sosial di Malaysia. Oleh itu objektif utama kajian ini adalah membincangkan berkenaan isu-isu kontemporari kesan daripada penawaran program pendidikan kerja sosial di peringkat ijazah sarjana muda di Malaysia. Kajian ini berupaya berperanan sebagai bahan rujukan kepada pembuat dasar untuk memastikan pendidikan kerja sosial yang ditawarkan relevan dalam konteks semasa serta menyumbang kepada pemahaman dalam konteks isu, keperluan dan cabaran pembangunan pendidikan kerja sosial di Malaysia. Berpandukan isu-isu kontemporari ini, beberapa alternatif penambahbaikkan untuk mengatasi kewujudan isu tersebut pada masa akan datang turut dicadangkan.

Isu- Isu Kontemporari dalam Bidang Kerja Sosial Terkini

Isu Piawaian Pendidikan Kerja Sosial

Berdasarkan penyelidikan lepas yang telah diteliti, isu utama yang dikenalpasti adalah isu piawaian pendidikan kerja sosial yang belum dimuktamadkan di Malaysia. Di Amerika Syarikat, England dan Kanada, penetapan piawaian pendidikan kerja sosial telah lama diwujudkan bagi memenuhi keperluan bidang kerja sosial sebagai satu profesion (MacDonald 2010). Menurut *Council on Social Work Education* (2014), piawaian pendidikan kerja sosial melalui pelaksanaan sistem akreditasi adalah sangat penting bagi memastikan setiap program yang ditawarkan memenuhi piawaian yang telah ditetapkan serta memenuhi keperluan negara. Selain itu, Australia (Australia Association of Social Workers 2012) dan Canada (*Canada Association of Social Work Education* 2014) juga telah menetapkan piawaian pendidikan kerja sosial. Di Malaysia, piawaian pendidikan kerja sosial dilaksanakan melalui sistem akreditasi yang dilaksanakan oleh *Malaysian Qualification Agency* (MQA). Akreditasi kurikulum yang dilaksanakan oleh MQA merupakan mekanisme yang diwujudkan oleh kerajaan untuk memberi pengiktirafan kepada kesemua program-program yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi di Malaysia. Walau bagaimanapun untuk melayakkan bidang kerja sosial diiktiraf sebagai program profesional di Malaysia, program ini perlu memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh badan profesional dalam bidang kerja sosial yang diberikan kuasa perundangan oleh pihak kerajaan. Walau bagaimanapun sehingga kini Joint Consultative on Social Work Education (JCCSWE) masih lagi menggembling usaha untuk memastikan proses penguatkuasaan piawaian pendidikan kerja sosial ini dilaksanakan.

Akta Kerja Sosial yang Tidak Dapat Dibentangkan di Parlimen

Isu yang kedua adalah akta kerja sosial yang tidak dapat dibentangkan di dalam sidang parlimen Malaysia walaupun pihak-pihak seperti JKM, JCCSWE, dan MASW terbukti telah menyediakan draf undang-undang kerja sosial berkenaan. Hal ini demikian menyebabkan Malaysia tidak mempunyai sebuah panduan yang jelas dan khusus untuk memantau penawaran program kerja sosial sekaligus bertindak sebagai kuasa perundangan untuk mengawal selia pembangunan kerja sosial. Menurut MacDonald (2010) sebagai sebuah

profesional, kerja sosial perlu mempunyai akta yang khusus bagi menjaga kepentingan profesional. Beliau menjelaskan bahawa akta kerja sosial perlu bersifat menyeluruh yang mencakupi aktiviti praktis dan juga pendidikan. Tanpa dasar dan akta yang jelas pendidikan kerja sosial bukan sahaja gagal untuk memenuhi piawai antarabangsa tetapi menimbul kekeliruan masyarakat terhadap profesional yang dilaksanakan ini (Crabtree 2005). Sebagai bidang yang diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa, profesional kerja sosial seharusnya mempunyai akta yang bertindak sebagai kuasa perundangan untuk mengawal selia kualiti perkhidmatan dan dalam masa yang sama memberi perhatian kepada pembangunan pendidikan kerja sosial. Tanpa penguatkuasaan akta, pembangunan pendidikan kerja sosial sukar untuk dilaksanakan kerana pendidikan kerja sosial tidak mempunyai garis panduan yang jelas.

Ketidaaan Jawatan Sebagai Pekerja Sosial

Di Malaysia, jawatan sebagai pekerja sosial tidak ditawarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia kepada graduan kerja sosial sehingga hari ini. Keadaan ini amat membimbangkan khususnya kepada bidang kerja sosial kerana graduan yang tidak mendapat pekerjaan sebagai pekerja sosial tidak akan mempraktikkan segala ilmu dan kemahiran kerja sosial apabila mendapat pekerjaan bukan dalam skop perkhidmatan sosial. Melalui permasalahan ini, kerja sosial di Malaysia hanya dilihat sebagai program akademik semata-mata. Tambahan pula sebagai profesional, bidang kerja sosial mengkehendaki pengetahuan dan kemahiran yang spesifik bagi membolehkan seseorang berfungsi sebagai pekerja sosial yang efektif (Zastrow 2014; Gambrill 2012). Di samping itu, terdapat isu utama apabila jawatan skim perkhidmatan sosial yang ditawarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat menerima graduan yang bukan dalam bidang kerja sosial. Berpandukan temubual bersama Ketua Penolong Pengarah di Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2018, beliau menyatakan keadaan ini akan memberikan imej yang tidak baik kepada profesional kerja sosial itu sendiri. Beliau turut mempersoalkan bagaimana graduan selain daripada bidang kerja sosial melakukan amalan praktis sedangkan mereka tidak mempunyai kemahiran dalam perkhidmatan sosial. Selain itu, terdapat temu bual yang telah dijalankan bersama ketua profesional pekerja sosial perubatan iaitu Puan Hajjah Hasnah Sulaiman, beliau menyatakan jabatan terpaksa menyediakan peruntukan yang besar untuk melatih semula pegawai-pegawai kerja sosial perubatan yang baru dilantik kerana tidak berupaya untuk melaksanakan kerja-kerja intervensi. Isu ini terjadi kerana dasar yang meluluskan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) melantik graduan daripada program ijazah sains sosial untuk menjawat jawatan dalam perkhidmatan awam.

Isu Pendidikan Kerja Sosial di Universiti Awam

Selaras dengan seruan oleh kementerian pendidikan dalam menitikberatkan pendidikan tinggi terhadap masyarakat, universiti awam di Malaysia dilihat menggembung tenaga untuk menawarkan beberapa program pengajian yang terbaik termasuk program kerja sosial. Sehingga ke hari ini, terdapat 6 buah universiti awam iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Sains Malaysia (USM), dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) yang menawarkan program penuh kerja sosial. Walaubagaimanapun, peningkatan bilangan universiti awam yang menawarkan program kerja sosial yang tidak mempunyai garis panduan pendidikan kerja sosial kebangsaan ataupun global telah menyebabkan wujudnya ketidakseragaman program yang ditawarkan. Kurikulum yang dibangunkan adalah berpandukan pengalaman pensyarah dan syarat minimum yang telah ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia di bawah bidang sains sosial. Sebagai

contoh tempoh pengajian bagi program kerja sosial di UKM adalah 3 tahun manakala di UUM pula adalah 4 tahun. Kepelbagaiannya kurikulum ini menyebabkan masyarakat tidak memahami apakah fungsi tugas bidang kerja sosial yang sebenarnya (Crabtree 2005). Di samping itu, terdapat sebuah laporan kajian yang bertajuk ‘Human Resource Development on Social Work: A Study in Malaysia’ dan telah menyatakan beberapa isu kritikal yang perlu ditumpukan (Sinnasamy 2006). Hasil daripada laporan kajian tersebut, pensyarah kerja sosial tidak mempunyai kelayakan akademik dalam bidang kerja sosial, pensyarah tidak mempunyai pengalaman praktis, kurikulum yang dibangunkan sepenuhnya berteraskan model dan ideologi Barat serta kekurangan penerbitan ilmiah dalam bidang kerja sosial. Kesan daripada isu ini, pensyarah hanya mengajar berpandukan teori daripada buku teks terbitan negara Barat sedangkan bidang ini sangat bergantung kepada elemen konteks persekitaran sosial budaya masyarakat setempat (Gray & Coates 2010; Kee 2007)

Jadual 1.1: Perbandingan Kurikulum Kerja Sosial di Universiti Awam

Elemen	Ukm	Uum	Unimas	Usm	Ums	Unisza
Fakulti	Pusat Pengajaran Psikologi dan Pembangunan Manusia	Pusat Pengajaran Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial	Jabatan Antropologi dan Sosiologi	Pusat Pengajaran Sains Kemasyarakatan	Fakulti Psikologi dan Pendidikan	Fakulti Sains Sosial Gunaan
Visi	Melahirkan siswazah yang berkemahiran untuk menjalankan kerja-kerja sosial dan pertolongan kemanusiaan serta berupaya menjana secara kreatif perkhidmatan manusia yang peka kepada keperluan kesejahteraan manusia	Menjadikan Pusat Pengajaran Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial sebagai institusi kecemerlangan dan rujukan keilmuan dalam bidang psikologi gunaan, kaunseling, kerja sosial, dasar sosial dan sains koreksional.	Mengeluarkan graduan yang mampu menghadapi cabaran-cabaran berpuncak daripada perubahan sosial yang pesat, memainkan peranan yang responsif dan proaktif dalam membantu individu, kumpulan dan komuniti	Menyediakan satu rancangan pendidikan kerja sosial yang bersifat generik ke arah menghasilkan graduan-graduan yang telatih dalam bidang perkhidmatan manusia mengikut kehendak semasa. Selain itu, ia turut memberi peluang kepada pegawai-pegawai perkhidmatan organisasi khidmat manusia	Menyediakan bakal-bakal pekerja sosial profesional yang berdedikasi, berinovasi serta mempunyai perspektif yang menyeluruh terhadap fahaman masyarakat serta isu dan masalahnya. Ia juga bertujuan meninggikan pengetahuan, kemahiran tentang proses menolong dan perancangan	Menjadi institusi pengajaran tinggi bertaraf antarabangsa yang melahirkan dan membentuk pemimpin yang berbakat dan pemikirannya diasuh, diperkaya dengan ilmu, budaya tinggi dan akhlak yang luhur di samping misi

			menghadapi perubahan sosial.	kerajaan dan bukan kerajaan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ke arah memberikan perkhidmatan manusia yang lebih cekap kepada golongan sasar dan masyarakat keseluruhannya.	dalam intervensi kerja sosial. Selain itu program ini bertujuan mewujudkan satu dampak profesional yang peka kepada keperluan dalam masyarakat dan berusaha mencapai kualiti kehidupan yang dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat; dan melengkapnya kepakaran dalam menjalankan perkhidmatan dan penyelidikan yang akan membantu dalam pembentukan dasar dan perancangan sosial.	universiti yang akan menonjol dan mengasah bakat bakal pemimpin dalam pelbagai bidang menerusi usaha merekaya s ilmu, menggalakan ketulusan keterbukaan, menanam sikap pertanggungjawaban dan menghargai kepelbagai an untuk manfaat manusia serta bersesuaian dengan aspirasi negara dan kepentingan global.
Misi	Meneroka, membina, dan mengembangkan pendidikan dan penyelidikan dalam bidang yang berkaitan dengan tingkah	Menjadi institusi kecemerlangan akademik dan rujukan serantau dalam bidang psikologi	Keupayaan untuk mengaplikasikan ketiga-tiga komponen penting dalam kerja sosial iaitu	Menguasai dan mempamerkan penguasaan bidang ilmu kerja sosial secara teoritikal mahupun kerja praktikal. Membentuk	Berusaha ke arah pengiktirafan antarabangsa untuk kecemerlangan dalam bidang kerja sosial melalui pengajaran	Memberikan pendedahan secara prinsip dan teori dalam ilmu pengetahuan

	<p>laku manusia dengan tujuan akhir untuk membantu memperkasakan potensi manusia dan menyuburkan kesejahteraan dalam kehidupan dan pekerjaan manusia</p>	<p>gunaan, kaunseling, kerja sosial, dasar sosial dan sains koreksional.</p>	<p>pengetahuan ,keterampilan, dan amalan. Berupaya untuk memantapkan kemahiran interpersonal, kepekaan yang tinggi terhadap keperluan persekitaran dan komuniti, dan menganalisa isu sosial masa kini sekaligus menawarkan penyelesaian dalam bentuk program intervensi. Seterusnya menanamkan nilai dan etika asas kerja sosial seperti mempromosikan keadilan sosial, menghormati kelabagai an dan</p>	<p>dan menunjukkan kemahiran teknikal, praktikal serta kemampuan membentuk persepsi dan pemikiran kritis yang menjurus ke arah penyelesaian masalah. Membentuk dan mengamalkan kemahiran berfikir secara saintifik dalam mendapatkan sebarang maklumat dan penyelidikan perkhidmatan pertolongan yang berkesan. Berkebolehan menguasai kemahiran berkomunikasi bagi mengurus, mengolah, menganalisis maklumat untuk memberikan intervensi yang berkesan di semua peringkat sistem.</p>	<p>dan pembelajaran , penyelidikan, penerbitan, kolaborasi, dan perkhidmatan masyarakat profesional untuk menghasilkan seimbang, berkelayakan, berdaya saing dan modal insan mahir untuk memenuhi keperluan pembangunan komuniti dan negara.</p>	<p>berkaitan khidmat sosial, pemulihan dan jagaan, memperkenalkan metodologi, alatan dan prosedur yang bersesuaian dalam bidang khidmat sosial, pemulihan dan jagaan, menerapkan elemen penyelidikan dan inovasi dalam pembelajaran, memupuk ciri profesional yang beretika, mahir dalam berkomunikasi dan mampu bekerja dalam kumpulan serta mempunyai nilai kepimpinan yang</p>
--	--	--	--	--	--	---

			komitmen kepada memperkenankan individu dan komuniti			tinggi
Latihan industri	Latihan industri hanya sekali sahaja selepas tamatnya semester 2 tahun 3 (6 kredit)	Latihan industri hanya sekali sahaja ketika semester 2 tahun 4 (12 kredit)	Latihan industri hanya sekali sahaja selepas semester 2 tahun 3 (6 kredit)	Latihan Praktikum I (240 jam dalam 30 hari), latihan Praktikum II (240 jam dalam 30 hari) dan latihan Praktikum III (480 jam dalam 60 hari di antara tahun 3 dan 4)	Latihan industri sebanyak 2 kali ketika semester 5 dan 6 tahun 3 (9 kredit).	Latihan industri hanya sekali sahaja ketika semester ke 2 tahun 3
Tempoh pengajian	3 tahun	4 tahun	3 tahun	4 tahun	3 tahun	3 tahun
Jumlah kredit bergraduasi	121 unit	126 unit	123 unit	124 unit	125 unit	126 unit

Pernyataan Masalah

Kajian mengenai pembangunan pendidikan kerja sosial telah mendapat perhatian sarjana-sarjana kerja sosial di negara Barat, namun di Malaysia kajian sebegini wajar ditumpukan selanjutnya dalam memperkasakan bidang kerja sosial sebagai bidang profesional utama. Berdasarkan *round table discussion* pada 5 Februari 2019 bersama dengan Encik Khairul Amri iaitu Ketua Penolong Pengarah di Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Putrajaya turut menyatakan isu kontemporari kesan daripada penawaran program kerja sosial sangat penting untuk dilaksanakan. Beliau menegaskan bahawa kajian mendalam harus dilaksanakan terhadap cabaran yang timbul dalam program pendidikan kerja sosial di Malaysia serta langkah-langkah untuk mengatasinya pada masa akan datang. Menurut beliau lagi, kajian sedemikian sangat berguna untuk membentuk perwatakan kompeten bakal pekerja sosial pada masa akan datang. Jelas beliau dalam kenyataanya:

“Saya menyokong kajian tentang isu yang wujud dari program pendidikan kerja sosial ini dibuat sebab prestasi pekerja sosial pada masa akan datang bergantung pada sejauhmana pelajar dan pentadbir kerja sosial memahami intipati program kerja sosial ini”

Menerusi *round table discussion* tersebut, jelas kajian berkenaan isu-isu kontemporari dalam pendidikan kerja sosial wajar diberi penekanan yang serius dan mendalam. Hal ini demikian kerana pendidikan kerja sosial di Malaysia tidak boleh berada dalam kedudukan yang sama tanpa usaha untuk meningkatkan keberkesanannya sebagai agen kesejahteraan masyarakat. Secara umumnya, terdapat beberapa isu yang diutarakan oleh beberapa pihak berkenaan penawaran program kerja sosial di Malaysia. Sehingga hari ini Joint Consultative Council on Social Work Education (JCCSWE) yang berperanan membentuk Draf Polisi dan Piaawai Kebangsaan Untuk Pendidikan Kerja Sosial masih lagi berusaha untuk menguatkuasakan piawaian pendidikan kerja sosial di Malaysia. Pertambahan bilangan universiti yang menawarkan program kerja sosial memberi indikator bahawa kerja sosial merupakan salah satu bidang yang mampu merealisasikan hasrat kerajaan untuk meningkatkan keupayaan insan bagi mencapai kesepadan dan kestabilan sosial, ketahanan sosial dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia yang maju dan berdaya saing (Kee 2002). Selain itu, kewujudan program kerja sosial di institusi pengajian tinggi di Malaysia yang tidak seragam secara tidak langsung juga telah menyebabkan kualiti kurikulum program kerja sosial tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan di peringkat antarabangsa (Sinnasamy 2006). Selain itu, Menurut Ismail Baba (2011), di dalam jawatan perkhidmatan awam, sehingga hari ini, tidak ada lagi jawatan pekerja sosial di dalam skim perkhidmatan sosial yang ditawarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia iaitu suruhanjaya yang diberikan kuasa untuk melantik penjawat awam. Pada masa ini jawatan yang ditawarkan adalah Pegawai Pembangunan Masyarakat gred S41 bagi pemegang ijazah kerja sosial institut pengajian tinggi di Malaysia. Namun, jawatan ini tidak mengkhususkan untuk pemegang ijazah kerja sosial sahaja. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa bidang kerja sosial masih lagi tidak berupaya untuk mendapat pengiktirafan sebagai bidang profesional seperti yang dinikmati di negara maju seperti di Amerika Syarikat, Jepun, Canada dan lain-lain lagi.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini telah menggunakan metod penyelidikan kualitatif melalui pendekatan fenomenologi untuk mendapatkan maklumat yang terperinci berkenaan isu kontemporari dalam penawaran program pendidikan kerja sosial di universiti awam di Malaysia. Menurut Bogdan dan Taylor (1997), pendekatan fenomenologi melihat kepada perlakuan manusia, apa yang mereka perkatakan dan lakukan sebagai produk serta bagaimana manusia memberikan makna tentang dunia mereka. Makna yang lahir daripada pengalaman itu mengandungi realiti yang terbentuk melalui interaksi sosial. Oleh itu, temubual bersemuka dan beberapa penyelidikan lepas telah dilaksanakan bagi mencapai objektif kajian ini.

Informan Kajian

Informan di dalam kajian ini adalah kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Institut Sosial Malaysia sebagai agensi yang terletak di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat. Pengkaji telah memilih 5 orang informan sahaja menggunakan kaedah sampling bertujuan (*purposive sampling*) di mana informan perlu mempunyai pengalaman berada di dalam persekitaran kerja sosial selama 10 tahun ke atas. Kemudian, pengkaji juga memilih informan berdasarkan gred jawatan yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 - 48) yang menjawat jawatan Ketua Penolong Pengarah, Penolong Pengarah Kanan, dan Ketua Kluster Pembangunan Sosial di Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Institut Sosial Malaysia. Temubual telah dilakukan pada bulan 5 Februari 2019 dan setiap informan telah menandatangani borang perakuan informan kajian sebagai

bukti data digunakan untuk tujuan kajian sahaja. Setiap informan juga turut menerima cenderahati daripada pengkaji sebagai tanda terima kasih di atas kesudian mereka terlibat dalam kajian ini. Analisis data telah dilakukan berdasarkan sumber verbatim FGD bersama kumpulan pengurusan dan profesional (Gred 41 – 48) yang dihuraikan berdasarkan tema yang terhasil dari analisis dengan objektif kajian.

Jadual 1.2: Demografi Informan

Informan	Jawatan	Kelulusan		Tempoh pengalaman dalam bidang kerja sosial	Lokasi Pejabat
		Akademik			
A	Ketua Penolong Pengarah	Sarjana Kemasyarakatan (Kerja Sosial)	Sains	16 tahun	Bahagian Perancangan dan Pembangunan, JKM Putrajaya
B	Ketua Penolong Pengarah	Sarjana Psikologi Perkembangan		17 tahun	Bahagian Kawalan Standard JKM Putrajaya
C	Ketua Penolong Pengarah	Sarjana (Pembangunan Komuniti)	Sains	17 tahun	Bahagian Komuniti, JKM Putrajaya
D	Ketua Kluster Pembangunan Sosial	Sarjana Sains Pembangunan Manusia	Muda	16 tahun	Institut Sosial Malaysia (ISM), Sungai Besi, Kuala Lumpur
E	Penolong Pengarah Kanan	Sarjana Sains Pembangunan Manusia	Muda	12 tahun	Bahagian Perancangan dan Pembangunan, JKM Putrajaya

Berdasarkan jadual 1.2 di atas, terdapat 5 orang informan yang terlibat di dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 - 48) yang menjawat jawatan Ketua Penolong Pengarah, Penolong Pengarah Kanan, dan Ketua Kluster Pembangunan Sosial di Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Institut Sosial Malaysia. Terdapat 3 orang informan mempunyai kelulusan ijazah sarjana manakala hanya 2 orang informan berkelulusan sarjana muda. Merujuk kepada tempoh pengalaman dalam bidang kerja sosial pula, tempoh paling lama yang dicatatkan adalah 17 tahun.

Usaha Dalam Memperkasa Bidang Kerja Sosial di Malaysia

Penguatkuasaan Piawaian Pendidikan Kerja Sosial di Malaysia

Alternatif ini dicadangkan oleh informan kajian berdasarkan isu kontemporari yang pertama iaitu isu piawaian pendidikan kerja sosial. Informan menyatakan selain JCCSWE, pendidik, pentadbir, penggubal polisi dan pengamal kerja sosial perlu bersama-sama menggembling tenaga untuk merealisasikan penguatkuasaan piawaian ini. Di Malaysia, Draf Polisi dan Piawaian Kebangsaan Untuk Pendidikan Kerja Sosial di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia telah dirangka pada tahun 2000 yang bertujuan menyediakan satu garis panduan pendidikan

kerja sosial dan kemudiannya dibentangkan untuk mendapat kelulusan kabinet. Walau bagaimanapun, setelah hampir 14 tahun masa berlalu sehingga kini Polisi dan Pawai Kebangsaan Untuk Pendidikan Kerja Sosial di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia ternyata belum mampu dikuatkuasakan lagi. Menerusi temubual tersebut, informan kajian turut menyatakan para pendidik, pentadbir, penggubal polisi dan pengamal kerja sosial wajar mencapai kesepakatan dan memperkemaskan kandungan piawaian tersebut selaras dengan perkembangan semasa yang telah berlaku dalam bidang kerja sosial. *Networking* atau rangkaian meluas bersama para pendidik, pentadbir, penggubal polisi dan pengamal kerja sosial negara luar seperti di Scotland, Sweden, dan United Kingdom harus dipraktikkan untuk melihat segala kelompongan atau elemen penting yang tidak disentuh dalam penubuhan JCCSWE. Berikut merupakan kenyataan informan berkaitan isu piawaian kebangsaan pendidikan kerja sosial:

“Networking yang kuat dengan pentadbir, pengamal, pendidik, policy maker, bila kita sepakat baru pihak kerajaan nampak seriusnya kita nak kuatkuasa piawaian ni” (Informan A,B, C, D,E)

Sementara itu, informan kajian turut menyatakan berkenaan konsep pengantarabangsaan pendidikan kerja sosial yang mengintegrasikan dimensi antarabangsa dalam pengambilan pelajar, pengajaran dan pembelajaran (PP), penyelidikan, dan pengurusan organisasi itu sendiri. Proses globalisasi menyebabkan kesan positif atau negatif ke atas sesebuah negara. Ia bergantung kepada sejauh mana persediaan negara itu mengharungi ombak globalisasi yang selalunya ditentukan oleh tahap penerapan nilai sejagat. Pendidikan khususnya pendidikan tinggi telah menerima kesannya akibat globalisasi. Ia mempunyai pengaruh kepada dasar pendidikan tinggi, pentadbiran dan pengelolaan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) serta kedudukan strategik institusi itu di dalam dan luar negara. Dalam konteks program pendidikan kerja sosial, kurikulum pengajian hendaklah bertaraf antarabangsa. Selain itu, kurikulum pengajian hendaklah bertaraf antarabangsa seiring peningkatan ilmu ke tahap global dengan memperdebatkan agenda sejagat bersama keperluan ilmu untuk kepentingan tempatan dan penawaran pengajian yang relevan. Namun demikian, program pendidikan kerja sosial di Malaysia mempunyai kekangan yang besar untuk mengantarabangsakan pendidikan kerja sosialnya kerana sehingga hari ini Malaysia masih lagi belum mempunyai piawaian yang kursus untuk program kerja sosialnya. Majoriti informan menyatakan keperluan piawaian untuk proses pengantarabangsaan program pendidikan kerja sosial negara berlaku.

“Hari ini semua orang bercakap berkenaan globalisasi dan pengantarabangsaan pendidikan tinggi. Sebagai bidang dan program profesional program pendidikan kerja sosial Malaysia perlu berupayaan menarik minat pelajar asing untuk datang ke negara ini untuk mengikuti program kerja sosial” (Informan A,B,D,E)

“Susah untuk mengantarabangsakan program pendidikan kerja sosial kita sekiranya program kita tidak mempunyai piawaian. Pelajar yang ingin membuat pemohonan akan terkeliru dengan kepelbagai struktur program kerja sosial yang ditawarkan” (Informan A, B,C)

“Kalau kita tidak mengantarabangsakan program pendidikan kerja sosial, program kerja sosial kita akan ke tinggalan...dan nanti akan menyebabkan bidang ini akan ketinggalan” (Informan A,B,C,D,E)

Pembangunan agenda penantarabngsaan dalam sektor pengajian tinggi bukanlah sesuatu yang baru. Usaha ini merupakan sebahagian daripada agenda penting dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Aspek pengantarabngsaan mewakili pelbagai dimensi dan ia buka saja menjurus kepada usaha mobiliti pelajar. Menurut informan 1, perlu wujud transformasi budaya kecemerlangan dan dalam masa yang sama memberi fokus kepada kekuatan kurikulum pengajian. Kurikulum pengajian perlu memenuhi piawaian yang diwujudkan bagi membolehkan kita menjaga kualiti program dan seterusnya menyumbang kepada produktiviti profesion.

Mengatasi Konflik Peranan Sebagai Usaha Penguatkuasaan Akta Kerja Sosial

Menerusi isu yang kedua iaitu akta kerja sosial yang tidak dapat dibentangkan di dalam sidang parlimen, informan kajian menyatakan sebuah draf khusus kerja sosial wajar dilaksanakan agar tidak bertindih dengan bidang profesion lain. Informan juga turut menyatakan punca utama mengapa akta ini tidak dapat dibentangkan di parlimen adalah kerana terdapat pelbagai kurikulum kerja sosial yang berbeza di setiap universiti. Hal ini menyebabkan pihak-pihak berkaitan tidak jelas sebuah kurikulum yang khusus dan selari di antara universiti yang menawarkan program kerja sosial. Informan menyatakan lagi, sesebuah akta harus bersifat selari dan mesti berpandukan sumber yang selari dan menyeluruh bukan kepelbagaian sumber. Berpandukan ungkapan oleh informan ini, akta kerja sosial sedikit sebanyak dapat dibentangkan di dalam sidang parlimen dengan aktif. Berikut merupakan kenyataan informan berkaitan isu akta kerja sosial:

“Di Malaysia, kerja sosial ni orang pandang macam kebajikan, kita sahaja yang jadi pelajar, staff, tahu apa itu kerja sosial, saya rasa orang awam kena tahu juga draf kerja sosial ni baru sedar pentingnya akta tu” (Informan B, D)

“Pendapat saya draf tu kena dikemaskini semula, every year kena sit in balik, make sure tak sama dengan bidang profesion lain macam kaunseling, psikologi, dan lain-lain” (Informan E)

“Kita tengok banyak yang tak sama dari segi jam praktikal, kelayakan mengajar, jumlah subjek di universiti contoh, USM 4 tahun, UNIMAS 3 tahun, sebab tu banyak pihak keliru kenapa akta kerja sosial ni kena bentang” (Informan A, B, C)

Di Malaysia, wujud banyak kementerian bagi tujuan melaksanakan fungsi dan tangungjawab yang diamanahkan. Setiap agensi kerajaan akan berada dibawah satu kementerian secara khusus. Walaubagaimanapun di dalam pelaksanaan pentadbiran agensi, jabatan dan juga jabatan berkanun akan wujud pertindanan urusan pentadbiran dengan pelbagai kementerian. Pertindanan ini kadang kalanya menyebabkan sukar untuk menentukan sesuatu perkara itu berada dibawah bidang kuasa pihak yang mana. Berikut merupakan pernyataan informan berkaitan cabaran dalam tadbir urus pendidikan kerja sosial di Malaysia.

“Saya pun kurang faham kenapa kita kena tunggu di pihak lain untuk kita bangunkan akta kerja sosial di universiti...kita wujudkan dulu standard...lepas itu mereka buatlah tugas mereka” (Informan A, C)

“Kita tak boleh terlalu mengharapkan bantuan NGO, kita kena ingat mereka memperjuangkan halatuju mereka...pihak kementerian tak boleh bergantung kepada NGO...tapi inilah silap yang pihak kementerian telah buat” (Informan A, B, C, D, E)

“Inilah jadinya kalau kita tak clear bidang tugas yang kita kena buat...pada pandangan saya, urusan berkaitan nak wujudkan akta kerja sosial terletak bawah Kementerian Wanita...urusan nak wujudkan standard pendidikan kerja sosial duduk bawah Pengajian Tinggi...atau pun kita boleh wujudkan satu sekretariat yang dipengerusikan oleh seorang KSU” (Informan A, B, C, D, E)

Dalam konteks pentadbiran kementerian di Malaysia, kegagalan menentukan peranan yang perlu dimainkan akan menyebabkan urusan yang dipertanggungjawabkan ini akan mengambil tempoh masa yang lama. Majoriti informan menjelaskan akan berlaku banyak pembaziran di dalam urusan pentadbiran yang akan merugikan semua pihak. Ada informan yang menyatakan isu berkaitan akta kerja sosial dan piawaian pendidikan kerja sosial ini telah berlarutan lebih daripada 10 tahun. Sehingga hari ini masih lagi belum wujud ketetapan yang dibuat berkaitan akta kerja sosial dan juga piawaian pendidikan kerja sosial.

Penetapan Kriteria yang Lebih Jelas kepada SPA

Ketiadaan jawatan sebagai pekerja sosial yang ditawarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia menyebabkan graduan kerja sosial kekurangan peluang untuk berkhidmat sebagai pekerja sosial. Informan berpendapat bahawa pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia boleh mempertimbangkan alternatif ini melalui penggubalan perjawatan skim perkhidmatan sosial sedia ada. Penggubalan ini diharapkan dapat menyusun dan mengenalpasti ruang-ruang perjawatan sosial secara berperingkat yang boleh dikategorikan sebagai jawatan pekerja sosial. Melalui alternatif ini, penulis menganggarkan pelajar kerja sosial mendapat peluang pekerjaan sebagai pekerja sosial walaupun bukan keseluruhananya dan masing-masing gigih menyiapkan diri mereka dengan ilmu serta kemahiran untuk memohon jawatan ini kelak. Menurut Persatuan Pekerja Sosial Malaysia hanya 10 % sahaja pelajar kerja sosial mendapat pekerjaan di dalam bidang kerja sosial. Keadaan ini dapat diubah dan dikawal melalui alternatif yang dicadangkan ini. Di samping itu, agensi sosial seperti JKM, AADK, Penjara, Jaqoa, dan sebagainya harus memperketatkan kelulusan kerja sosial sebagai kelulusan utama dalam memohon perjawatan sebagai pekerja sosial dan pegawai pembangunan sosial. Tambahan informan lagi, pekerja sosial yang terlatih ini perlu mempunyai latar belakang akademik sebagai asas ilmu pengetahuan disamping juga kemahiran. Keberkesanan proses intervensi kerja sosial sangat bergantung kepada keupayaan pekerja sosial mempraktiskan segala ilmu pengetahuan yang dipelajari. Melalui asas pemilihan yang jelas pada jawatan kumpulan pengurusan dan profesional, secara tidak langsung kita telah memartabatkan bidang kerja sosial negara sekaligus dapat mengurangkan peningkatan masalah sosial negara. Berikut merupakan contoh penyataan informan yang membawa tema kepada penetapan kriteria yang lebih jelas oleh SPA.

“pihak kementerian kena jelas kepada SPA kriteria apa yang diperlukan untuk melantik pekerja sosial...kita tak boleh main suka-suka lantik orang jadi pekerja sosial...kita kena pastikan yang kita lantik itu datang dari program kerja sosial...tak boleh dari program sains sosial...atau program lain” (Informan A,C)

“kalau kita lantik pekerja sosial dari program bukan kerja sosial...kita akan hadapi masalah...macam sekarang ni...kita kena sediakan banyak khusus-khusus asas kerja

sosial sebab majoriti tak tahu apa itu kerja sosial...dkt sini kita banyak bazir duit...bazir tenaga...bazir masa” (Informan A, B, D)

“tak boleh lantik pekerja sosial dari bidang lain...kalau kita terus melantik kita akan menyebabkan bidang ini tidak berkembang dan universiti yang menawarkan program kerja sosial pun akan hadapi masalah...mereka belajar penat-penat...tapi akhirnya kena bersaing dengan orang dari program yang lain” (Informan B,C,E)

Penyelarasan Kurikulum Pendidikan Kerja Sosial Yang Seragam

Penyelarasan kurikulum pendidikan kerja sosial yang seragam merupakan cadangan dalam memperkasakan pendidikan kerja sosial di Malaysia. Pelbagai permasalahan telah wujud di antara universiti-universiti seperti tempoh pengajian yang tidak sama, jumlah kredit untuk bergraduat, tempoh latihan industri, kursus yang tidak sama ditawarkan, dan sebagainya. Selain itu, tidak mempunyai punca kuasa untuk mengarahkan penyelarasan kurikulum juga turut menjadi faktor. Informan menyatakan pihak pendidik, pentadbir, penggubal polisi, dan pengamal kerja sosial perlu bersepakat untuk memastikan elemen-elemen seperti tempoh pengajian, jumlah kredit untuk bergraduat, tempoh latihan industri, penawaran kursus, kursus kemahiran tambahan untuk pensyarah, dan sebagainya dilaksanakan dalam kurikulum yang sama. Sudah tentu proses ini akan mengambil masa yang lama dan memerlukan penelitian yang lengkap sebelum membangunkan kurikulum yang sama. Secara langsung kurikulum kerja sosial yang selari memberi keyakinan kepada pihak berkaitan untuk menyokong pembangunan akta kerja sosial yang sempurna. Tambah informan lagi, dalam mewujudkan imej kerja sosial yang selari, ketua program kerja sosial sudah boleh menguatkuasakan penggunaan makmal sosial di dalam kurikulum pengajaran dan pembelajaran kerja sosial di universiti. Kewujudan makmal kerja sosial merupakan langkah efektif oleh pihak universiti dalam meningkatkan imej kerja sosial yang bersifat profesi. Kewujudan makmal sosial ini berupaya untuk meningkatkan keyakinan dan minat pelajar untuk menunjukkan kemahiran mereka secara teori dan praktis dalam menyelesaikan krisis sosial yang berlaku. Sebagai langkah awal, pelajar program kerja sosial boleh mengambil kes-kes yang berlaku terhadap rakan-rakan mereka seperti kemurungan, masalah kewangan, tekanan emosi, dan lain-lain. Oleh itu, kakitangan dari organisasi sosial seharusnya menyokong penubuhan dan terlibat dalam operasi makmal ini dengan jayanya. Langkah ini sedikit sebanyak dapat menunjukkan kepada masyarakat bahawa kerja sosial merupakan program yang berbeza daripada pelbagai program sains sosial yang lain. Tambahan lagi, apabila delegasi atau pensyarah luar negara datang melawat ke universiti awam mereka berminat untuk berkongsi idea dalam memantapkan lagi program pengajian kerja sosial seterusnya mewawarkan kepada dunia bahawa program kerja sosial di Malaysia setanding dengan antarabangsa.

“Saya berpandangan buat masa sekarang sukar pihak universiti yang menawarkan program kerja sosial membuat penyelarasan kurikulum kerja sosial kerana universiti tidak mempunyai punca kuasa yang mengarahkan perkara tersebut perlu dilaksanakan. Apabila keadaan sebegini berterusan agak sukar program pendidikan kerja sosial mempunyai satu struktur kurikulum yang sama dengan universiti yang lain...tapi kita kena cuba juga untuk selaraskan kurikulum kerja sosial”
(Informan A,D,E)

“Sepatutnya kurikulum kena gubal semula dan tengok balik dari sudut jumlah kredit bergraduasi, tempoh jam praktikal, total kursus, dan lain-lain mestи sama”
(Informan C)

“Bagi sayalah dah sampai masa makmal sosial di universiti diperkenalkan dan dikuatkuasa dalam kurikulum, pelajar kena mantapkan lagi fungsi makmal sosial, baru imej kerja sosial tu jelas (Informan A,B,C, D)

Pentadbiran yang Responsif Pada Peringkat Universiti dan Kementerian

Pentadbiran yang responsif merupakan satu elemen utama dalam tadbir urus yang baik. Tadbir urus yang responsif bermakna pendatabiran itu mempunyai keupayaan untuk bertindak menangani isu dan pemasalahan dengan kadar segera. Keupayaan bertindak ini bermakna tadbir urus ini menyediakan ruang yang luas kepada masyarakat dan pihak berkepentingan untuk menyuarakan permasalahan yang berlaku. Contoh penyataan informan berkenaan kepentingan pentadbiran yang responsif adalah seperti berikut

“Universiti perlu cepat membuat perubahan pada program pengajian...kerana sekarang ni banyak berlaku masalah yang baru’ (Informan A,B,C)

“Dalam dunia global hari ni..semua kena cepat..kita tak boleh duduk lama...siap hari ni, kita tak boleh duduk lama...kita kena bersiap sedia dah untuk buat perubahan yang baru”
(Informan A.B,C,D,E)

“Kalau lambat..kita kena tingal..bila kita kena tingal, kerja sosial kita akan jadi tak relevan yang akan merugikan pelajar, pekerja, masyarakat dan perkhidmatan”
(Informan C,D)

Maklumat yang diperolehi daripada informan rata-ratanya menekankan keperluan pentadbiran yang responsif pada peringkat universiti dan juga kementerian yang terlibat. Informan kajian menjelaskan pentadbiran yang responsif dapat menyediakan interaksi dua hala yang membolehkan permasalahan yang berlaku dapat dibincangkan pada kadar yang segera. Pihak berkepentingan dan masyarakat dapat menyuarakan keperluan semasa yang diperlukan oleh program kerja sosial dan dalam masa yang sama pihak universiti dan kementerian mampu untuk menyediakan komunikasi dua hala. Pentadbiran yang responsif menunjukkan pentadbiran itu telus dan mempunyai akauntabiliti kepada perkhidmatan yang disediakan. Selain itu, konsep penyertaan dalam membuat keputusan juga dinyatakan oleh informan selari dengan proses membuat dan melaksanakan keputusan. Hal ini bukan bermaksud membuat keputusan yang 'betul', tetapi mengenai proses terbaik untuk membuat keputusan itu. Proses membuat keputusan ini perlu melibatkan pelbagai peringkat pihak yang mempunyai kepentingan untuk memastikan segala bentuk keputusan yang dibuat mampu memaksimumkan sumber. Penglibatan dalam pentadbiran boleh membangunkan akauntabiliti yang mana akan memaksa pihak berkuasa membuat keputusan dengan mengambil kira pelbagai aspek kepentingan terlebih dahulu. Contoh penyataan berkenaan kepentingan penyertaan oleh informan adalah seperti berikut:

“Saya harap lebih banyak penyertaan daripada pelbagai pihak untuk memantapkan program pendidikan kerja sosial kita...ngo dan pihak industri kita perlu memberi ruang yang lebih besar kepada mereka”
(Informan A,D,E)

“Penyertaan pihak berkepentingan dari luar boleh memberikan skop baharu perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian didalam membangunkan kurikulum pendidikan” (Informan B,C,E)

“Kita kena buka ruang yang lebih luas kepada masyarakat untuk membantu universiti menyediakan program kerja sosial yang sesuai dengan keperluan tempatan” (Informan A,E)

Nota lapangan pengkaji mendapati informan secara keseluruhannya menyatakan pihak universiti dan kementerian perlu menyediakan satu platform yang lebih besar untuk memberi ruang kepada agensi dan masyarakat untuk terlibat bersama dalam membangunkan program pendidikan kerja sosial. Mereka menyatakan penglibatan dalam penyertaan akan dapat menghasilkan program yang lebih baik dan berkesan. Penglibatan penyertaan akan dapat meningkatkan ketelusan di dalam proses membuat keputusan. Kaedah ini membolehkan semua pihak akan lebih memahami bagaimana dan mengapa universiti dan kementerian membuat sesuatu keputusan tertentu. Dalam pada masa yang sama penyertaan akan dapat meningkatkan persefahaman dan kepercayaan antara pihak kerajaan dan masyarakat.

Kesimpulan

Kesimpulannya, berdasarkan tajuk utama artikel ini iaitu “Ke arah memperkasakan pendidikan kerja sosial di Malaysia: Satu Penilitian Kontemporari” penulis telah meneliti beberapa isu kritikal yang berlaku dalam bidang kerja sosial di Malaysia. Penulis menggariskan isu piawaian pendidikan kerja sosial, akta kerja sosial yang tidak dapat dibentangkan di parlimen, ketiadaan jawatan sebagai pekerja sosial, dan isu pendidikan kerja sosial di universiti awam. Menerusi temubual mendalam yang telah dijalankan, usaha-usaha dalam menyelesaikan isu kontemporari ini turut dinyatakan oleh informan kajian. Antara cadangan yang diutarakan adalah penguatkuasaan piawaian pendidikan kerja sosial di Malaysia, mengatasi konflik peranan sebagai usaha penguatkuasaan akta kerja sosial, Penetapan kriteria yang lebih jelas kepada SPA, penyelarasan kurikulum pendidikan kerja sosial yang seragam, dan pentadbiran yang responsif pada peringkat universiti dan kementerian. Melalui cadangan yang diutarakan oleh informan kajian dalam mendepani isu kontemporari ini, pendidikan kerja sosial di Malaysia mempunyai potensi dalam melahirkan bakal pekerja sosial yang kompeten dan selari dengan konsep ilmu kerja sosial itu sendiri. Usaha-usaha yang dicadangkan juga haruslah digalas oleh semua pihak termasuk masyarakat sendiri dalam memahami keberkesanan kerja sosial sebagai profesi menolong yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

Rujukan

- Aronson, J., & Smith, K. (2011). Identity work and critical social service management: Balancing on a tightrope? *British Journal of Social Work*, 41(3), 432-448.
- Bay, E. (2011). Mild traumatic brain injury: a midwest survey about the assessment and documentation practices of emergency department nurses. *Advanced emergency nursing journal*, 33(1), 71-83.
- Bogdan, R. C. Dan Steven J. Taylor, 1992. *Introduction to Qualitative Research Methods: A Phenomenological Approach in the Social Sciences*.
- Butler, J. (2013). *Excitable speech: A politics of the performative*. Routledge.
- Cournoyer, B. R. (2013). *The Social Work Skills Workbook*. Belmont: Brooks/Cole Cengage Learning.

- Crabtree, S. A., & Baba, I. (2001). Islamic perspectives in social work education: Implications for teaching and practice. *Social work education*, 20(4), 469-481
- Crabtree, A. S. (2005). Medical social work in Malaysia: Issues in practice. *International Social Work* 48(6): 732-741.
- Dominelli, L. (1996). Human rights in social work practice. *Challenges in human rights: A social work perspective*, 16.
- Evetts, J. (2013). Professionalism: Value and ideology. *Current Sociology*, 61(5-6), 778-796.
- Gambrill, E. (2012). *Social work practice: A critical thinker's guide*. Oxford University Press.
- Gray, M. & Coates, J. (2010). Indigenization' and knowledge development: Extending the debate. *International Social Work* 53(5): 613-627.
- Jones, D. N., & Truell, R. (2012). The Global Agenda for Social Work and Social Development: A place to link together and be effective in a globalized world. *International Social Work*, 55(4), 454-472.
- Ling, H. K. (2002). Social work practice in Malaysia: A vision of direction. *Social Work Around the World II*, 82-99.
- Kee, L. H. (2007). *Indigenising Social Work: Research and Practice in Sarawak*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- MacDonald, A. (2010). Globalization and the regulation of social work practice in Canada. (PhD Thesis, University of Calgary). <http://search.proquest.com.ezproxy.library.uq.edu.au/docview/847542526/> [3 Jun 2013]
- Nikku, B. R. (2010). Social work education in Nepal: Major opportunities and abundant challenges. *Social work education*, 29(8), 818-830.
- Payne, M., & Askeland, G. A. (2008). *Globalization and international social work: Postmodern change and challenge*. Routledge
- Robinson, K. (2013). Voices from the front line: Social work with refugees and asylum seekers in Australia and the UK. *British Journal of social work*, 44(6), 1602-1620.
- Saparin, N. H. B. (2014). Malay Muslim Worldviews: Some thoughts for social work practice in Singapore. *Journal of Religion & Spirituality in Social Work: Social Thought*, 33(1), 73- 94.
- Sinnasamy, M. (2006). Human resource development on social work: A study in Malaysia. Kerta Kerja Siri WP-2006-01-E, Persatuan Pekerja Sosial Malaysia. Kuala Lumpur: MASW.
- Smith, J. A. (2003). Reflecting on the development of interpretative phenomenological analysis and its contribution to qualitative research in psychology. *Qualitative research in psychology*, 1(1), 39-54. Syamsuddin, S., & Azman, A. (2012). *Memahami Dimensi Spiritualitas dalam Praktek Pekerjaan Sosial*. Sosio Informa
- West, D., & Heath, D. (2011). Theoretical pathways to the future: Globalization, ICT and social work theory and practice. *Journal of Social Work*, 11(2), 209-221.
- Zastrow, C. (2014). *Brooks/Cole Empowerment Series: Introduction to Social Work and Social Welfare*. Cengage Learning.